

BH PLUSdi www.bharian.com.my
untuk lebih gambar dan video

Tinjauan pencemaran di Sungai Giling akibat kandang khinzir di sekitar Kampung Batu Laut.



Sesetengah tanah walaupun mendatangkan hasil kerana menempatkan tanaman sawit, namun tidak dapat dimanfaatkan kerana penduduk jijik kepada najis babi"

Mohamad Azam Hashim,
Ketua Kampung Batu Laut

Penduduk kampung terpaksa jual tanah

➔ **Penternak ambil kesempatan perluas kawasan kandang babi**

Oleh **Ilah Hafiz Aziz**
illahhafiz.abdulaziz@bh.com.my

■ **Tanjung Sepat**

Najis babi yang disalurkan ke sungai, bukan setakat mencemarkan persekitaran kampung hingga ke pantai, malah menyebabkan penduduk khususnya orang Melayu sekitar Batu Laut di sini, berpindah keluar selepas menjual tanah masing-masing yang tercemar.

Setiap tahun, antara lima hingga enam penduduk menjual tanah di kawasan terjejas. Sejak lima tahun lalu, lebih 12 hektar tanah berstatus pegangan bebas milik penduduk Melayu di situ, sudah bertukar milik selepas pemiliknya tidak mampu meneruskan kehidupan diselubungi bau busuk kesan pencemaran najis babi.

Lebih malang, nilai tanah yang

diselubungi pencemaran itu juga merosot hampir 45 peratus. Dalam penjualan terbaharu, seorang penduduk hanya mampu memperolehi RM100,000 bagi keluasan tanah seluas 0.4 hektar, berbanding RM180,000 nilai semasa.

Tanah milik penduduk yang dijual itu khususnya sekitar Batu Untung dan Tanjung Layang dibeli penternak babi berdekatan yang membolehkan mereka membesarkan kandang serta meningkatkan kapasiti ternakan babi masing-masing.

Tak dapat manfaat

Ketua Kampung Batu Laut, Mohamad Azam Hashim, 45, berkata penduduk berhampiran kawasan menempatkan kandang babi atau kawasan tercemar, menjual tanah mereka kerana kawasan itu tidak lagi dapat dimanfaatkan untuk pertanian.

"Tanah dicemari najis babi ini tidak subur untuk tanaman lain, selain dipandang jijik penduduk setempat. Sesetengah tanah walaupun mendatangkan hasil kerana menempatkan tanaman sawit, namun tidak dapat dimanfaatkan kerana penduduk jijik kepada najis babi.

"Ini yang terjadi kepada penduduk Batu Laut khususnya sekitar Batu Untung dan Tanjung Layang, terpaksa melepaskan pe-

milikan tanah kepada pihak tertentu kerana tidak tahan dengan pencemaran yang berlaku atau tanah mereka tidak lagi dapat digunakan.

"Contohnya bersebelahan Sungai Giling adalah tanah kelapa sawit milik orang Melayu, namun disebabkan sungai itu dicemar teruk najis babi, pemilik membiarkannya begitu sahaja dan mungkin menunggu masa untuk dijual pada harga tertentu," katanya kepada BH.

Tiada pembeli

Mohamad Azam berkata, ekor pencemaran yang berlaku juga, tiada pembeli lain yang berminat terhadap kawasan tanah di situ melainkan penternak babi yang kemudiannya meluaskan kandang mereka.

"Inilah yang terjadi sejak sekian lama apabila penternak babi mengambil peluang membeli tanah yang kebanyakannya berstatus pegangan bebas.

"Biasanya, tanah yang dibeli mulanya dibiarkan begitu sahaja sebelum dijadikan tapak baharu kandang atau loji kumbahan," katanya.

Beliau berkata, pada masa lalu, hanya sebilangan kecil sahaja penternak babi ada di situ tetapi sulaan penjualan tanah yang berlaku secara terpaksa oleh orang

Fakta nombor

12 HEKTAR

tanah pegangan bebas milik penduduk Melayu terpaksa dijual

45 PERATUS

nilai tanah merosot sekitar Batu Laut akibat pencemaran tahi babi

Melayu itu, menyebabkan kandang babi kini berselerakan dengan banyak sekitar kampung ini.

Katanya, meskipun menambah kandang dan memperluaskan kawasan ternakan babi, penternaknya tidak berada di situ kerana tidak selesa dengan pencemaran, sebaliknya tinggal di sekitar pekan Tanjung Sepat dan menempatkan pekerja bagi mengawasi ternakan masing-masing.

Untuk komen
e-mel ke bhnews.bh.com.my atau di laman Facebook BH Online



Keratan akhbar BH semalam.